

**Arahan:**

- 1 Guru memberikan suatu tajuk perbincangan.
- 2 Murid berbincang dalam kumpulan dan menulis di kertas sebak.
- 3 Murid menampal hasil kerja kumpulan di sudut tertentu.
- 4 Setiap kumpulan akan bergilir-gilir melihat hasil kerja kumpulan lain di setiap stesen dan menulis komen atau tambahan idea di kertas tersebut.
- 5 Setelah semua kumpulan selesai bergerak, murid dan guru akan berbincang dan berkongsi pengalaman.

**Arahan:**

- 1 Setiap pasukan dibekalkan satu fail yang di dalamnya terdapat soalan, kes atau masalah untuk dibincangkan.
- 2 Selepas 10 hingga 15 minit, soalan dan catatan jawapan dimasukkan semula ke dalam fail dan diedarkan kepada pasukan lain.
- 3 Setiap pasukan yang mendapat fail baharu daripada pasukan lain dikehendaki membaca soalan dan jawapan yang terdapat di dalam fail berkenaan sebelum dibincangkan, disunting atau ditambah.
- 4 Setelah setiap pasukan memberikan respon kepada dua atau tiga fail, soalan-soalan dan jawapan-jawapan tersebut dibincangkan di dalam kelas secara keseluruhan.